

22 JUL 1996

MIC

JAWATANKUASA PUSAT MIC LULUS PINDAAN PILIH PRESIDEN

KUALA LUMPUR, 22 Julai (Bernama) -- Jawatankuasa Kerja Pusat (CWC) MIC hari ini meluluskan pindaan perlembagaan yang membolehkan presiden parti dipilih oleh

perwakilan di perhimpunan agung setiap tiga tahun sekali.

Presiden parti Datuk Seri S.Samy Vellu berkata pindaan itu akan dihantar ke Pendaftar Pertubuhan bagi mendapatkan kelulusan.

"Pindaan ini akan dibentang pula pada sidang perwakilan pada perhimpunan agung parti pada 4 Ogos depan," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan

mesyuarat CWC selama lebih empat jam di ibu pejabat parti di sini.

Samy Vellu berkata melalui pindaan ini seseorang yang bertanding untuk jawatan tertinggi parti itu perlu mendapatkan sekurang-kurangnya 30 pencalonan dari perwakilan dengan setiap pencalonan itu harus mempunyai seorang pencadang dan lima orang penyokong.

Pada masa sekarang presiden dipilih oleh anggota jawatankuasa 22 orang daripada setiap cawangan dan pemilihan diadakan secara berasingan daripada pemilihan bagi jawatan-jawatan penting yang lain.

Samy Vellu, yang juga Menteri Kerja Raya, berkata Perhimpunan Agung parti akan diadakan pada 3 dan 4 Ogos bertempat di Dewan Merdeka, Pusat Dagangan Dunia Putra dan akan dirasmikan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Mengenai sambutan Jubli Emas MIC yang akan diadakan pada malam 3 Ogos, beliau berkata parti menjemput semua menteri, timbalan menteri, setiausaha parlimen, menteri besar serta ketua menteri, pemimpin komponen Barisan Nasional dan tokoh-tokoh politik yang berjasa kepada MIC.

"Kita akan memberi anugerah khas kepada 30 orang pemimpin masyarakat India dari pelbagai organisasi yang telah menyumbangkan khidmat tenaga mereka kepada perkembangan MIC dan masyarakat India keseluruhannya," katanya.

-- BERNAMA

RV AHH